

## **PENERAPAN LINGUISTIK TERHADAP QIRĀ'ĀT AL-QURAN**

Muhammad Hatta bin Shafri  
*Universiti Teknologi MARA (UiTM)*  
*muhammadhatta@uitm.edu.my*

Muhammad Aizat Syimir bin Rozani  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.*  
*aizatsyimir@kuis.edu.my*

Fudzla Suraiyya Abdul Raup  
*Universiti Teknologi MARA (UiTM)*  
*fudzlasuraiyya@uitm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Qirā'āt al-Quran merupakan salah satu cabang 'ulūm al-Quran. Ia merupakan ilmu yang membincangkan kaedah menyebut kalimah-kalimah di dalam al-Quran. Ia juga menjelaskan perbandingan bacaan antara imam-imam qirā'āt. Ia telah dibincangkan dalam kalangan ilmuwan terdahulu hingga kini. Namun, kebanyakan kajian qirā'āt al-Quran di Malaysia adalah bersifat monodisiplin sedangkan disiplin ilmu ini memerlukan penelitian dan penerapan daripada disiplin ilmu lain dalam mengupas sesebuah permasalahan. Antara disiplin ilmu yang mempunyai hubung kait yang kuat dengan ilmu qirā'āt al-Quran adalah ilmu linguistik. Asimilasi kedua-dua bidang ilmu ini akan memberikan kefahaman yang lebih jelas berkaitan sebab berlaku perbezaan bagi sesuatu bacaan dalam kalangan imam-imam qirā'āt. Oleh itu, Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti hubung kait ilmu qirā'āt al-Quran dengan ilmu linguistik. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kajian-kajian lepas berkaitan penerapan ilmu linguistik terhadap qirā'āt al-Quran yang telah dijalankan di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan untuk mendapatkan data kajian. Analisis linguistik yang dilakukan terhadap ayat-ayat yang dibaca dengan cara berbeza oleh para imam untuk menjelaskan bentuk penerapan linguistik terhadap qirā'āt al-Quran. Kajian mendapati bahawa ilmu linguistik mempunyai hubung kait yang kuat dengan ilmu qirā'āt al-Quran dan berfungsi sebagai satu alat untuk memahami sebab dan kesan perbezaan bacaan para imam qirā'āt. Hasil kajian juga menunjukkan kajian penerapan bidang linguistik terhadap qirā'āt al-Quran di Malaysia masih kurang. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian penerapan linguistik terhadap qirā'āt al-Quran dapat dilakukan dengan lebih meluas dalam kalangan ilmuwan dan sarjana di Malaysia kerana ia dapat membantu para ilmuwan dan sarjana dalam memahami sebab dan kesan perbezaan bacaan para imam qirā'āt al-Quran dengan lebih baik.

**Kata kunci :** Qirā'āt Al-Quran, Linguistik, Bahasa Arab, Saktah.

## **PENGENALAN**

‘Ulūm al-Quran merupakan istilah bahasa Arab yang membawa maksud ilmu-ilmu berkaitan al-Quran. Menurut Mannā’ al-Qattān (1973), ia merupakan satu disiplin ilmu mencakupi pembahasan yang berkaitan dengan Al-Quran dari segi sebab penurunannya, pengumpulan dan urutan-urutannya, pengetahuan tentang ayat-ayat makkiyyah dan madaniyyah, nāsikh dan mansūkh, mahkam dan mutasyabih, dan hal-hal lain yang berkaitan dengan Al-Quran. Salah satu cabang ‘ulūm al-Quran yang penting adalah ilmu qirā’āt al-Quran. Ia merupakan ilmu yang membincangkan kaedah menyebut kalimah-kalimah di dalam al-Quran, berserta cara perlaksanaannya yang disepakati atau tidak dan disandarkan kepada perawi bacaan tersebut (Al-Qādī, 1982). Melalui disiplin ilmu ini, para ilmuwan Islam dalam bidang ini telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan pembahagian jenis qirā’āt, tokoh-tokoh utama sama ada dari qirā’āt tujuh, lapan, sepuluh dan sebagainya serta kaedah sebutan dan bacaan al-Quran. Namun, pengajian dan pembelajaran qirā’āt al-Quran tidak terhad hanya pada kaedah pembacaan al-Quran sahaja bahkan perlu dipandang secara kolektif bersama cabang-cabang ilmu yang lain. Misalnya dalam ilmu tafsir Al-Quran, ilmu qirā’āt al-Quran mempunyai kaitan yang signifikan dengannya. Para ilmuwan meletakkan qirā’āt sebagai salah satu cabang metodologi pentafsiran al-Quran dengan al-Quran yang juga dikenali sebagai ‘al-tafsīr bī al-Ma’thūr’ (Muhammad Qajwī, 2015).

Selain itu, ilmu linguistik juga mempunyai hubung kait yang kuat dengan qirā’āt al-Quran. Penerapan ilmu linguistik terhadap qirā’āt al-Quran dapat membantu para ilmuwan dan sarjana memahami gejala bahasa yang terdapat pada perbezaan bacaan imam-imam qirā’āt (Shafī’ al-Dīn, 2006). Linguistik secara amnya bermaksud ilmu bahasa. Menurut J. Lyon (1968), linguistik adalah satu cabang ilmu yang mengkaji bahasa secara saintifik. Ia adalah disiplin ilmu yang mengkaji bahasa-bahasa tertentu secara spesifik dan empiris, iaitu mengkaji bahasa melalui fakta dan data tanpa dipengaruhi faktor anggaran atau ramalan, sentimen dan sebagainya. Ia juga satu cabang kajian bahasa yang mempunyai sistem yang teratur bagi menjamin ketercapaian objektif kajian sesuatu bahasa. Sebagai contoh, sekiranya sebuah kajian linguistik dilakukan terhadap bahasa Melayu, kajian tersebut perlu dilakukan secara formal dan teratur tentang asal-usulnya, bagaimana bunyi-bunyi perkataan dihasilkan, sistem fonem, morfem, kata, frasa dan ayat yang pelbagai yang dibentuk di dalam Bahasa Melayu (Abdul Hamid Mahmood, 2007). Analisis linguistik melibatkan beberapa peringkat, antaranya bunyi (fonetik dan fonologi atau fonemik), perkataan (morfologi), ayat (sintaksis) dan makna (semantik dan pragmatik) (‘Astītiyah, 2008).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk :

- 1) mengenal pasti hubung kait ilmu qirā’āt al-Quran dengan ilmu linguistik.
- 2) mengenal pasti kajian-kajian lepas berkaitan penerapan ilmu linguistik terhadap qirā’āt al-Quran yang telah dijalankan di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan untuk mendapatkan data kajian. Analisis linguistik berdasarkan kerangka fonetik, morfologi, sintaksis mahupun

semantik dilakukan terhadap ayat-ayat yang dibaca dengan cara berbeza oleh para imam untuk menjelaskan bentuk penerapan linguistik terhadap qirā'āt al-Quran. Selain itu, pencarian terhadap kajian-kajian lepas berkaitan qirā'āt al-Quran di Malaysia dilakukan untuk melihat sejauh mana pengkaji dan sarjana qirā'āt al-Quran di Malaysia menerapkan unsur linguistik dalam kajian mereka.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **1.0 Hubung kait ilmu linguistik dan qirā'at al-Quran**

Sejarah menunjukkan perluasan empayar Islam merupakan antara sebab utama yang mendesak para ilmuwan bahasa Arab untuk mewujudkan satu disiplin ilmu. Ia bertujuan untuk memelihara kesucian dan keaslian al-Quran daripada berlaku penyelewengan dan kesilapan. Hal ini kerana percampuran bangsa Arab dan bukan Arab telah menyebabkan berlakunya asimilasi pelbagai sudut yang melibatkan kehidupan seharian masyarakat antaranya budaya dan bahasa. Natijahnya berlaku banyak kesilapan bacaan al-Quran dalam kalangan bangsa bukan Arab mahupun anak bangsa Arab itu sendiri (Ibrahim al-Sāmīrā'iy, 1966). Menurut Sa'īd al-'afghāniy (1987), melalui pembukaan kota Islam yang baru, berlaku percampuran bangsa Arab dengan bangsa-bangsa lain yang sebelumnya berada di bawah taklukan Parsi, Bazentin dan Etopia. Mereka telah memeluk agam Islam beramai-ramai dan perlu sedaya upaya mempelajari bahasa Arab. Bergaulan dalam kehidupan seharian telah memberi kesan buruk terhadap keaslian bahasa Arab dalam kalangan penutur jati Arab. Kebejatan bahasa Arab pada mulanya tidak ketara namun ia semakin merebak dalam kalangan masyarakat sehingga para pembesar dan para ilmuwan ketika itu mula memandangnya sebagai satu perkara yang begitu membimbangkan. Menurut Sa'īd al-'Afghāniy juga, lahn iaitu kesalahan tatabahasa merupakan pendorong utama bagi gerakan penulisan, pembukuan dan pengumpulan ilmu tatabahasa Arab. Tambahan pula rentetan peristiwa-peristiwa lahn yang sudah mula berlaku sebelum itu menguatkan lagi sebab gerakan tersebut perlu dilakukan. Oleh itu, para ilmuwan bahasa Arab terdahulu mengambil inisiatif untuk memelihara kesucian bahasa al-Quran dengan menggariskan ilmu tatabahasa Arab berdasarkan dalil dan bukti bahasa yang ada.

Proses tersebut dinamakan sebagai penghujahan bahasa di mana para ilmuwan mengeluarkan dan menetapkan kaedah tatabahasa daripada sumber penghujahan yang dipercayai dan diperakui kesahihannya. Mereka telah menetapkan bahawa sumber penghujahan yang telah diperakui kesahihannya adalah al-Quran dan qirā'atnya, hadis-hadis, dan ungkapan Arab yang terdiri daripada puisi dan prosa (Kamarul, 2010). Jelas di sini bahawa qirā'at al-Quran memainkan peranan yang besar semasa era penghujahan bahasa Arab. Al-Şuyūṭiy (m. 911 H) menyebut dalam kitabnya “al-'Iqtirāh fī 'Uṣūl al-Nahw” bahawa al-Quran dan semua qirā'atnya boleh dijadikan hujah sama ada qirā'at tersebut berstatus mutawātir, 'āhād atau shāz. Tambahnya lagi, qirā'āt yang berstatus shāz yang dilarang pembacaannya adalah sah dijadikan hujah bagi bahasa dan ilmu nahw. Hal ini kerana ia termasuk dalam golongan ungkapan Arab selain al-Quran yang mempunyai sanad yang kuat dan diriwayatkan secara sahih (Sa'īd al-'Afghāniy, 1994). Para qurrā' tidak menerima qirā'at yang berstatus shāz ini disebabkan keraguan mereka sama ada ia bacaan yang dibaca oleh Nabi Muhammad SAW atau tidak, namun para ilmuwan ilmu linguistik bahasa Arab dan nahw menerimanya sebagai hujah kerana ia diriwayatkan oleh kalangan Arab yang fasih.

Bahkan kaedah-kaedah tatabahasa Arab juga diambil dan diekstrak daripada kata-kata dan percakapan mereka.

Penghujahan bahasa Arab terhadap qirā'at al-Quran menunjukkan bahawa ilmu tersebut mempunyai perkaitan yang kuat dengan ilmu bahasa atau linguistik sejak dahulu lagi. Bahkan perbezaan qirā'at turut dikaji oleh para ilmuwan nahw Arab sama ada dari sudut fonetik dan fonologinya, morfologi, sintaksis mahupun semantik. Perbahasan nahw Arab mula berkembang menjelang era 'Abbāsiy pertama (Muhammad al-Tantāwiy, 1995). Perbezaan dan perselisihan pendapat dalam kalangan para ilmuwan nahw Arab ketika membahaskan masalah-masalah berkaitan bahasa Arab secara tidak langsung telah membawa kepada terbentuknya pelbagai kelompok aliran pemikiran atau mazhab nahw. Dua kelompok terbesar mazhab nahw dalam sejarah nahw Arab dikenali sebagai madrasah Kūfah dan madrasah Baṣrah. Perbahasan dan perdebatan tersebut tidak dapat tidak turut melibatkan masalah-masalah berkaitan penghujahan qirā'at al-Quran. Perbahasan dua mazhab utama nahw Arab tersebut telah dicatatkan oleh Abū al-Barakāt Ibn al-'Anbāriy (m. 557 H) atau dikenali sebagai Ibn al-'Anbāriy di dalam bukunya al-'Inṣāf fī masā'il al-khilāf bayna al-baṣriyyīn wa al-kūfiyyīn. Nur al-Dīn Durym (2015) menyenaraikan lapan tajuk perdebatan ilmuwan Baṣrah dan Kūfah berkaitan qirā'at al-Quran yang terdapat dalam buku al-'Inṣāf sama ada dalam kerangka fonetik, morfologi, sintaksis mahupun semantik.

## 2.0 Penerapan Linguistik Terhadap Qirā'at Al-Quran


Penerapan ilmu linguistik terhadap Qirā'at Al-Quran dapat membantu para pengkaji dan ilmuwan memahami gejala bahasa yang terdapat pada perkataan atau ayat al-Quran yang dibaca dengan cara berbeza berdasarkan imam-imam qirā'at. Penerapan ilmu linguistik terhadap qirā'at Al-Quran boleh dibahagikan kepada empat bahagian berdasarkan peringkat analisis linguistik, iaitu :

### 1) Penerapan fonologi :

Fonologi adalah satu bidang ilmu yang mengkaji sistem bunyi dalam sesuatu bahasa (Zaharani, 2014). Peringkat ini menjelaskan unsur-unsur bunyi yang terdapat pada qirā'at Al-Quran. Unsur-unsur tersebut secara tidak langsung menerangkan gejala-gejala bunyi yang terdapat pada sesuatu bahasa. Kajian fonologi terhadap qirā'at Al-Quran misalnya akan menerangkan gejala-gejala bunyi yang terdapat pada bahasa Arab. Antara unsur-unsur bunyi yang boleh didapati daripada qirā'at Al-Quran adalah seperti 'itbā' (asimilasi bunyi vokal), 'idghām (asimilasi bunyi konsonan).

'Itbā' atau asimilasi bunyi vokal adalah proses penyamaan terhadap dua bunyi vokal (al-harakāt) yang berbeza dan berada pada kedudukan bersebelahan atau berhampiran. Salah satu daripada dua bunyi vokal tersebut akan memberi kesan terhadap bunyi vokal yang kedua. Ia boleh berlaku sama ada bunyi vokal yang berada di hadapan memberi kesan terhadap bunyi vokal yang berada selepasnya atau sebaliknya. Proses tersebut akan menyebabkan bunyi vokal yang terkesan bertukar mengikut bunyi vokal yang memberi kesan kepadanya. Pada kebiasaannya, gejala ini berlaku disebabkan terdapat unsur


kepayahan pada sebutan. Justeru penyamaan bunyi vokal akan menyebabkan penyesuaian bunyi dan memudahkan sebutan bagi penutur. Antara contoh asimilasi bunyi yang berlaku dalam qirā'at Al-Quran adalah seperti bacaan oleh Zayd bin Ali pada ayat kedua surah al-fātihah :  $\text{الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ}$  .



Bunyi vokal dhammah /u/ (◌ُ) yang terdapat pada suku kata /du/ (دُ) terkesan dengan bunyi vokal kasrah /i/ (◌ِ) yang terdapat pada suku kata selepasnya /li/ (لِ). Ia menyebabkan bunyi vocal /u/ berubah menjadi /i/.

Manakala 'idghām pula adalah memasukkan suatu bunyi konsonan kepada bunyi konsonan yang lain tanpa ada pemisah bunyi vokal di antara kedua-duanya. Ia menjadikan kedua-dua konsonan tersebut mempunyai persamaan bunyi. Pada kebiasaannya, kedua-dua bunyi konsonan tersebut mempunyai persamaan pada ciri-ciri makhraj atau sifatnya pada suatu sudut dan mempunyai perbezaan pada ciri-ciri makhraj atau sifatnya pada suatu sudut yang lain. Contohnya bunyi konsonan tā' dan dāl mempunyai persamaan dari segi makhraj namun berbeza dari segi sifat. Ibrāhīm 'Anīs (1992) menyatakan bahawa konsonan tā' merupakan bunyi yang bersifat tidak bersuara (hams) di mana pita vokal tidak bergetar ketika bunyi tersebut terhasil. Tambahnya lagi, bunyi konsonan tā' terhasil pada makhraj yang sama dengan bunyi konsonan tā' dan dāl melainkan bunyi konsonan dāl bersifat bersuara dan bunyi konsonan tā' pula adalah sebaliknya. Oleh itu, terdapat kesukaran ketika menyebut perkataan atau ungkapan yang mengandungi kedua-dua bunyi konsonan tersebut apabila berada pada kedudukan bersebelahan tanpa melibatkan proses 'idghām atau penyamaan bunyi konsonan.

Contohnya adalah pada ayat ke-66 surah al-Naml :  $\text{بَلْ إِدْرَاكَ عِلْمُهُمْ فِي الْآخِرَةِ...}$  . Majoriti qurrā' membaca ayat ini dengan qirā'at (إِدْرَاكَ), manakala 'Ubay bin Ka'b membaca dengan qirā'at (تِدْرَاكَ) iaitu dalam bentuk yang asal bagi (إِدْرَاكَ). Pembentukan kata kerja (تِدْرَاكَ) melalui proses yang panjang sebelum terbentuknya kata kerja (إِدْرَاكَ). Asal bagi kata kerja (إِدْرَاكَ) ialah (تِدْرَاكَ). (تِدْرَاكَ) kemudiannya ditukarkan kepada kata kerja kala kini dan membentuk (يِدْرَاكَ). Pengguguran vokal fathah pada suku kata /ta/ menyebabkan penggabungan suku kata dan membentuk suku kata baru iaitu (يَتْ) /yat/. Pengguguran vokal adalah untuk mengurangkan bilangan suku kata menurut undang-undang suku kata bahasa Arab. Kedudukan konsonan tā' dan dāl berada pada posisi bersebelahan menyebabkan berlaku proses 'idghām. Konsonan tā' terkesan dengan konsonan dāl dan menukarkan konsonan tā' menjadi dāl dan membentuk satu pola baru iaitu (يِدْرَاكَ). Bahasa Arab membentuk semula kata kerja kala lepas yang baru iaitu (إِدْرَاكَ) daripada pola (يِدْرَاكَ). Proses pembentukan tersebut diringkaskan dalam carta alir yang berikut:



## 2) Penerapan morfologi :

Dalam ilmu linguistik, morfologi merujuk kepada satu bidang ilmu yang mengkaji bentuk perkataan (Harishon, 2014). Ia merupakan istilah pinjaman daripada bidang biologi yang bermaksud kajian berkenaan bentuk tubuh haiwan dan tumbuhan. Konsep bentuk diterapkan kepada bentuk perkataan Bahasa manusia (Abdullah, 2016). Kajian morfologi mencakupi perkataan atau bahagian-bahagian daripada perkataan dan ia membantu memberi kefahaman tertentu terhadap suatu ungkapan atau ayat ('Abduh al-Rājihy, 1979). Tokoh ilmu linguistik; Ferdinand de Saussure ada menyatakan bahawa fungsi morfologi mencakupi perbincangan berkaitan pelbagai jenis perkataan sama ada kata nama, kata kerja, kata sifat dan kata ganti nama. Ia juga membincangkan perkara-perkara berkaitan segala bentuk perubahan yang berlaku pada perkataan. Kajian ilmu morfologi terhadap qirā'at Al-Quran pula akan menerangkan unsur-unsur berkaitan perkataan yang terdapat pada bahasa Arab. Antara unsur-unsur berkaitan perkataan yang boleh didapati daripada qirā'at Al-Quran adalah seperti pola-pola kata kerja.

Menurut Muhammad (2014) pola kata kerja boleh dikelaskan mengikut bilangan huruf kata dasar dan imbuhan. Ia boleh dibahagikan kepada kata kerja tiga huruf dasar, kata kerja tiga huruf dasar dengan imbuhan, kata kerja empat huruf dasar, kata kerja empat huruf dasar dengan imbuhan. Perbezaan bilangan huruf dasar tanpa atau dengan imbuhan ini membentuk pola-pola yang dikenali sebagai 'wazan'. Al-Hamalāwī (2012) menyenaraikan terdapat lebih daripada 30 pola kata kerja yang wujud dalam bahasa Arab di mana pola-pola tersebut memberikan pelbagai makna yang berbeza. Antara contoh perbezaan pola yang berlaku dalam qirā'at Al-Quran adalah seperti bacaan oleh imam Hamzah pada ayat 21 dalam surah 'Ali 'Imrān :

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيَّاتِ بِغَيْرِ حَقٍّ  
وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢١﴾

Imam Hamzah membaca ayat tersebut dengan kata kerja (يُقَاتِلُونَ) pada (وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ) (بِالْقِسْطِ). Manakala baki sembilan imam qirā'at membacanya dengan (يَقْتُلُونَ). Kata kerja (يَقْتُلُونَ) adalah kata kerja kala kini yang disandarkan kepada kata ganti diri ketiga (هُمْ- mereka) dengan penambahan morfem (afiks) awalan (prefiks) yā' dan akhiran (sufiks) wāw

dan nūn. Ia merupakan kata kerja dasar tiga huruf dengan pola (فَعَلَ - يَفْعُلُ). Manakala kata kerja (يُقَاتِلُونَ) disandarkan kepada kata ganti diri ketiga (هم) dengan penambahan morfem (afiks) awalan (prefiks) yā' dan akhiran (sufiks) wāw dan nūn. Ia merupakan kata kerja dasar tiga huruf dengan tambahan satu huruf menggunakan pola (فَاعِلٌ - يُفَاعِلُ) yang mengandungi maksud 'saling'. Penggunaan kata kerja (يُقَاتِلُونَ) pada ayat tersebut membawa kepada perubahan makna di mana para pentafsir al-Quran menafsirkan bahawa bacaan tersebut bermaksud pembunuhan kebiasaannya terjadi dengan cara saling berbunuhan atau berperang antara dua pihak. Begitu juga dengan ayat 236 dalam surah al-Baqarah :

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ ... ﴿٢٣٦﴾

Imam Hamzah dan al-Kisā'ī membaca ayat tersebut dengan kata kerja kala kini (تَمَسُّوهُنَّ), manakala baki tujuh imam qirā'at yang lain membacanya dengan (تَمَسُّوهُنَّ). Kata kerja (تَمَسُّوهُنَّ) merupakan kata kerja kala kini yang disandarkan kepada kata ganti diri kedua (أنتم-kamu semua) dengan penambahan morfem (afiks) awalan (prefiks) tā' dan akhiran (sufiks) wāw dan nūn. Pengguguran nūn adalah disebabkan oleh harf jazm yang mendahului kata kerja tersebut. Ia juga turut dilengkapi dengan maf'ūl bih (objek) iaitu kata ganti nama (هنَّ). Ia merupakan kata kerja dasar tiga huruf dengan pola (فَعَلَ - يَفْعُلُ). Manakala kata kerja (تَمَسُّوهُنَّ) merupakan kata kerja kala kini yang disandarkan kepada kata ganti diri kedua (أنتم-kamu semua) dengan penambahan morfem (afiks) awalan (prefiks) tā' dan akhiran (sufiks) wāw dan nūn. Pengguguran nūn adalah disebabkan oleh harf jazm yang mendahului kata kerja tersebut. Ia juga turut dilengkapi dengan maf'ūl bih (objek) iaitu kata ganti nama (هنَّ). Ia merupakan kata kerja dasar tiga huruf dengan tambahan satu huruf menggunakan pola (فَاعِلٌ - يُفَاعِلُ) yang mengandungi maksud 'saling'. Penggunaan kata kerja (تَمَسُّوهُنَّ) pada ayat tersebut membawa kepada perubahan makna di mana para pentafsir al-Quran menafsirkan bahawa bacaan tersebut bermaksud penafian terhadap perbuatan saling bersentuhan antara dua pihak (suami dan isteri).

### 3) Penerapan sintaksis :

Sintaksis merupakan satu cabang linguistik yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan ayat. Sintaksis bukan sahaja melibatkan kajian berkaitan proses pembinaan ayat bahkan ia juga melibatkan hukum-hukum yang menentukan bagaimana perkataan disusun dalam ayat. Unsur utama yang dikaji dalam sintaksis adalah ayat, klausa dan frasa (Abdullah, 2016). Pada peringkat ini, ilmuwan bahasa Arab mementingkan sebuah disiplin yang dinamakan 'i'rāb. Istilah 'i'rāb merujuk kepada perubahan yang berlaku pada akhir perkataan disebabkan terdapat faktor yang menjadi punca bagi perubahan tersebut. Faktor tersebut terdiri daripada perkataan-perkataan tertentu yang berada dalam ayat atau perkataan yang tidak berada dalam ayat dan hanya dibayangkan kewujudannya. Selain itu, 'i'rāb juga boleh merujuk penetapan kaedah tatabahasa dengan menentukan tugas atau fungsi sesuatu perkataan dalam ayat seperti subjek, predikat dan objek (Abbas Hasan, ). Kajian bidang sintaksis terhadap qirā'at Al-Quran akan menerangkan fungsi atau tugas

perkataan dalam ayat yang bahasa Arab. Perbezaan-perbezaan pada akhir perkataan yang dibaca oleh imam-imam qirā'at memberi kesan dari segi fungsi perkataan dalam ayat dan secara tidak langsung memberi kesan dari segi konteks ayat dan penafsirannya. Antara contoh perbezaan akhir perkataan yang membawa kepada perubahan tugas dan fungsi perkataan adalah bacaan imam-imam pada ayat ke-26 dalam surah al-'A'rāf :

يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَارِي سَوَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ التَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ ﴿٢٦﴾

Pada ayat ini, Nāfi', Ibn 'Āmir, Abū Ja'far dan al-Kisā'ī membaca perkataan (وَلِبَاس) pada (وَلِبَاسُ التَّقْوَىٰ) dengan baris fathah pada huruf sīn. Manakala al-Yāqūt membacanya dengan baris dhammah pada huruf sīn. Perbezaan baris akhir pada perkataan tersebut sudah tentu membawa kepada perbezaan tugas dan fungsi perkataan dalam ayat. Bacaan (وَلِبَاس) dengan baris dhammah pada huruf sīn menyebabkan perkataan tersebut menjadi subjek bagi ayat (وَلِبَاسُ التَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ). Manakala bacaan perkataan (وَلِبَاس) dengan baris fathah menyebabkan perkataan tersebut berfungsi sebagai ma'tūf (perkataan yang dihubungkan) kepada perkataan (لِبَاس) yang pertama. Kedua-dua perkataan tersebut dihubungkan dengan harf 'atf (kata hubung) "wāw". Perubahan tersebut dijelaskan dalam jadual yang berikut :

	Terjemahan	Fungsi
Asal	Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutup auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. <i>Pakaian</i> takwa itulah yang paling baik.	Perkataan (pakaian) yang kedua berfungsi sebagai subjek bagi ayat yang baru iaitu " <i>Pakaian</i> takwa itulah yang paling baik."
Perubahan	Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutup auratmu, pakaian indah untuk perhiasan dan <i>pakaian</i> takwa. Itulah yang paling baik.	Perkataan (pakaian) yang kedua berfungsi sebagai ma'tūf bagi perkataan (pakaian) sebelumnya. Kemudian (ذَٰلِكَ خَيْرٌ) pula membentuk ayat baru yang menyimpulkan bahawa segala pakaian tersebut adalah yang baik untuk dipakai dan digunakan.

#### 4) Penerapan semantik :

Semantik adalah satu istilah yang merujuk kepada kajian makna dalam bahasa (Norsimah, 2014). Ia menjelaskan tentang makna bagi perkataan-perkataan dan ayat-ayat ('Ātif, 2011). Makna merupakan asas bagi kesefahaman dalam masyarakat. Tokoh ilmu linguistik; Firth



menyebut bahawa fungsi asas bagi linguistic deskriptif ialah menjelaskan makna (al-Syāyib, 2016). al-Syāyib (2016) turut menambah bahawa ilmuwan linguistik moden membahagikan makna kepada dua bahagian iaitu makna leksikal dan makna struktural. Makna leksikal adalah makna yang sesuai dengan konsep yang digambarkan pada kata tersebut. Manakala makna struktural ialah makna yang muncul akibat kata mengalami afiksasi atau penambahan imbuhan serta reduplikasi dan komposisi. Secara amnya kajian-kajian fonologi, morfologi dan sintaksis mempunyai hubung kait yang rapat dengan semantik sekiranya kajian dalam bidang-bidang tersebut membincang perihal makna. Selain itu, bidang tafsir juga mempunyai hubung kait dengan bidang semantik kerana kajian bidang tafsir tertumpu kepada pemahaman terhadap makna kontekstual yang terdapat pada sesuatu ayat al-Quran. Antara contoh makna kontekstual yang dibincangkan dalam qirā'at Al-Quran adalah seperti bacaan pada ayat ke-30 dalam surah al-Baqarah :

إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ

Majoriti qurrā' membaca ayat tersebut dengan perkataan (خَلِيفَةً) manakala Zayd bin Ali dan Abū al-Barahsim membaca ayat tersebut dengan perkataan (خَلِيفَةً). Ilmuwan tafsir mentafsirkan bahawa khalīfah yang dimaksudkan adalah Nabi Adam AS kerana baginda merupakan khalifah di muka bumi ini. Sebahagian ilmuwan tafsir juga mentafsirkan perkataan tersebut sebagai suatu kaum menggantikan suatu kaum yang lain dari suatu masa ke masa yang lain. Manakala perkataan (خَلِيفَةً) pula akan membawa maksud penciptaan makhluk di muka bumi.

### 3.0 Penerapan linguistik dalam kajian qirā'at al-Quran di Malaysia

Penetapan qirā'at al-Quran sebagai salah satu sumber primer penghujahan bahasa Arab telah membuka satu lembaran baru dalam dunia linguistik Arab. Ia mula menjadi salah satu perkara yang dibincangkan secara ilmiah dalam kalangan ilmuwan linguistik Arab sama ada daripada sudut fonetik, morfologi, sintaksis mahupun semantik. Namun, kajian penerapan bidang linguistik terhadap disiplin ilmu qirā'at al-Quran dilihat masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya dalam kalangan pengkaji dan sarjana di Malaysia. Kebanyakan kajian qirā'at al-Quran masih berfokus kepada ruang lingkup bidang qirā'at al-Quran sahaja sedangkan kedua-dua bidang ilmu ini mempunyai hubung kait yang kuat. Seperti yang dapat dilihat pada jadual di bawah, pencarian terhadap kajian qirā'at al-Quran di Malaysia pada lima tahun belakangan ini mendapati hanya tiga daripada sepuluh kajian menerapkan ilmu linguistik terhadap ilmu qirā'at al-Quran. Manakala tujuh kajian lain masih berfokus pada bidang qirā'at al-Quran dan tafsir al-Quran. Syahir, Aizat dan Hatta (2019) telah mengasimilasi ilmu qirā'at Al-Quran dengan cabang bidang linguistik iaitu morfologi dan semantik dalam kajian terhadap surah 'Āli 'Imrān. Kajian tersebut menunjukkan bahawa perbezaan qirā'at bagi kata kerja kala kini (fi'l mudhāri') dalam kalangan imam-imam akan membawa kepada perubahan konteks ayat dan golongan sasaran. Manakala Hatta, Mahfuz dan Aizat (2019) pula menerapkan unsur ilmu linguistik dalam kajian terhadap saktah iaitu salah satu topik yang dibincangkan dalam ilmu qirā'at al-Quran. Terdahulu, kajian berkaitan sintaksis bahasa Arab dalam qirā'at al-Quran dilakukan oleh Zamri, Zulazhan, dan Kamarul (2016). Hasil

dapatan kajian lepas jelas menunjukkan masih terdapat banyak ruang kajian boleh dijalankan berkaitan penerapan ilmu linguistik terhadap qirā'at al-Quran. Bahkan penerapan ilmu linguistik dalam kajian qirā'at al-Quran amat diperlukan untuk membantu para ilmuwan dan sarjana dalam memahami kesan-kesan perbezaan bacaan imam-imam qirā'at al-Quran dengan lebih baik.

BIL	TAJUK	TAHUN	PENULIS	BIDANG KAJIAN
1.	Khilaf Qiraat dalam Surah Al-Sajdah dan Hubungannya Dengan Sab'ah Ahruf	2020	Abd Rahman bin Abd Ghani	Qirā'at Al-Quran
2.	Qiraat Syadhdhah: Pengenalan Empat Tokoh Imam yang Khusus	2019	Mohamad Redha Bin Mohamad, Muhammad Fairuz Bin A. Adi, Nurhanisah Binti Abdul Ghapar	Qirā'at Al-Quran
3.	Pengajian Qiraat di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Usm: Analisis terhadap Tahap Kefahaman Qiraat	2019	Zainora Daud, Hayati Hussin, Khairul Anuar Bin Mohamadiii, Mohd Shamsul Hakim Bin Abd Samad	Qirā'at Al-Quran
4.	Perbezaan Qiraat Sepuluh Dan Kesannya terhadap Tafsir Al-Quran: Kajian terhadap Kata Kerja Kala Kini dalam Surah Ali Imran	2019	Ahmad Syahir bin Ahamad Nzly, Muhammad Aizat Syimir bin Rozani, Muhammad Hatta bin Shafri	Qirā'at Al-Quran, Tafsir Al-Quran, Linguistik
5.	Analisis Kajian Saktah dalam Kalangan Ilmuan: Satu Tinjauan Literatur	2019	Muhammad Hatta Bin Shafri, Mahfuz Bin Suhaimi, Muhammad Aizat Syimir Bin Rozani	Qiraat Al-Quran, Tafsir Al-Quran, Linguistik

6.	Teori Hukum Mad Far'at dari Perspektif Ilmu Qiraat	2018	Felza Zulhibri Abd Hamid, Nor Hafizi Yusof	Qirā'at Al-Quran
7.	Shahid Al-Quran dalam Karya Tatabahasa Arab: Satu Sorotan Literatur Secara Sistemik	2016	Zamri Rajab, Zulazhan Ab. Halim, Kamarul Shukri Mat Teh	Linguistik, Al- Quran dan Qirā'atnya
8.	Peranan Qira'at dalam Pentafsiran Al-Quran	2016	Izuli Dzulkipli, Adibah Bahori	Qiraat Al-Quran, Tafsir Al-Quran
9.	Tajwid Al-Quran Perbandingan Tariq Al-Syatibi dan Ibnu Al-Jazari	2015	Shaharuddin Saad, Ikmal Zaidi Hashim dan Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan	Qirā'at Al-Quran
10.	Keperluan Aplikasi Al-Dirayah dalam Pengajian Ilmu Qiraat di Malaysia	2015	Ikmal Zaidi bin Hashim	Qirā'at Al-Quran

### Rumusan :

Kesalahan tatabahasa atau lahn dalam kalangan bangsa Arab dan ajam yang memuncak merupakan punca utama bagi gerakan penulisan, pembukuan dan pengumpulan ilmu tatabahasa Arab. Tambahan pula, rentetan peristiwa-peristiwa lahn yang sudah mula membarah sebelum itu menguatkan lagi sebab bagi kemunculan gerakan tersebut. Maka para ilmuwan bahasa Arab terdahulu mengambil inisiatif untuk memelihara kesucian bahasa al-Quran dengan menggariskan ilmu tatabahasa Arab berdasarkan dalil dan bukti bahasa yang ada. Proses tersebut dinamakan sebagai penghujahan bahasa di mana para ilmuwan mengeluarkan dan menetapkan kaedah tatabahasa daripada sumber penghujahan yang dipercayai dan diperakui kesahihannya. Antara sumber primer penghujahan yang diakui keabsahannya dalam kalangan ilmuwan nahw Arab adalah qirā'at al-Quran. Penghujahan Bahasa Arab terhadap qirā'at al-Quran menunjukkan bahawa ilmu tersebut mempunyai perkaitan yang kuat dengan ilmu bahasa atau linguistik sejak dahulu lagi. Bahkan perbezaan qirā'at turut dikaji oleh para ilmuwan nahw Arab sama ada dari sudut fonetik dan fonologinya, morfologi, sintaksis mahupun semantik. Namun, kajian berkaitan penerapan ilmu linguistik terhadap qirā'at al-Quran didapati masih kurang di Malaysia. Terdapat hanya tiga kajian daripada sepuluh kajian qirā'at al-Quran di Malaysia yang ditemui mengandungi penerapan unsur linguistik. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian penerapan linguistik terhadap qirā'at al-Quran dapat dilakukan dengan lebih meluas dalam kalangan ilmuwan dan

sarjana di Malaysia kerana ia dapat membantu para ilmuwan dan sarjana dalam memahami gejala, sebab dan kesan perbezaan bacaan para imam qirā'at al-Quran dengan lebih baik.

## RUJUKAN

- Abd Rahman bin Abd Ghani (2020), *Khilaf Qiraat Dalam Surah Al-Sajdah dan Hubungannya Dengan Sab'ah Ahruf*, Jurnal Qiraat.
- 'Abduh al-Rājihīy (1979), *Al-Tatbīq al-ṣarfīy*. Buku.
- Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd Rahman (2016), *Dato Mahamud Bin Abdul, Tokoh Sociolinguistik Melayu Nusantara: Suatu kajian Konseptual, Profil dan Sumbangan. Tokoh-tokoh Ulama Melayu Nusantara. Edisi 1. Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Selangor. Buku.*
- Abdullah Hassan (2016), *Morfologi*. PTS. Buku.
- Abdullah Hassan (2016), *Sintaksis*. PTS. Buku.
- Ahmad Syahir bin Ahamad Nzly, Muhammad Aizat Syimir bin Rozani, Muhammad Hatta bin Shafri (2019), *Perbezaan Qiraat Sepuluh dan Kesannya Terhadap Tafsir Al-Quran: Kajian Terhadap Kata Kerja Kala Kini dalam Surah Ali Imran*, International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019).
- Al-Hamalāwī, A. (2012), *Shaz Al-'Urf fī Fann Al-Ṣarf*. Al-Quds li Al-Nashr wa Al-Tawzi'. Buku. *Al-Nashr fī al-qirā'āt al-'ashr*. Buku.
- Al-Qāḍī, 'Abd al-Fattāh. (1982). *Al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā'āt al-'Ashr al-Mutawātirah min Ṭarīqay al-Shāṭibiyyah wa al-Durrah*. Dār al-Kitāb al-'Arabī. Buku.
- Ch. Shabarinath & K. Dasaradhi (2017), *Importance of Linguistics in English Language*, International Journal of English Language, Literature and Humanities, Vol 5(1).
- Fārūq Ḥammādah. (1979). *Madkhal ila 'Ulūm al-Quran wa al-Tafsīr*. Rabat: Maktabah al-Ma'arif. Buku.
- Fawzī al-Syāyib (2016), *Muhādharāt fī al-Lisāniyyāt*, 'ālam al-kutub al-hadith. Buku.
- Felza Zulhibri Abd Hamid, Nor Hafizi Yusof (2018), *Teori Hukum Mad Far'i Dari Perspektif Ilmu Qiraat*, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari.
- Idris, M. b. (2014), *Analisis al-Mizan al-Sarfīy dalam Pembentukan kata kerja dan kata nama Mushtaq Bahasa Arab*.
- Ikmal Zaidi bin Hashim (2015), *Keperluan Aplikasi Al-Dirayah Dalam Pengajian Ilmu Qiraat di Malaysia*, Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS.
- Izuli Dzulkifli, Adibah Bahori (2016), *Peranan Qira'at dalam Pentafsiran Al-Quran*, Jurnal Hadhari.
- Jalāluddīn al-Ṣuyūṭīy (m. 911 H), *al-'Iqtirāh fī 'Uṣūl al-Nahw*. Buku.
- Kamarul Shukri Mat The (2010), *Perkembangan Awal Nahu Arab*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Buku.
- Ibn Manzūr (M. 711 H), *Lisān al-'Arab*, Dār Ṣādir. Kamus.
- Manna' al-Qaṭṭān. (1998). *Mabāhith fī 'Ulūm al-Quran*. Mu'assasah al-Risālah. Buku.
- Mohammad Fadzeli Jaafar (2014), *Pengenalan Linguistik Teoretis dan Aplikasi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Buku.

- Muhammad al-Tantāwiy (1995), *Nash'ah al-Nahw wa Tārīkh 'Ashhar al-Nuhāh*, Dār al-Ma'ārif. Buku.
- Muhammad Hatta Bin Shafri, Mahfuz Bin Suhaimi, Muhammad Aizat Syimir Bin Rozani (2019), *Analisis Kajian Saktah Dalam Kalangan Ilmuan: Satu Tinjauan Literatur*, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan.
- Muhammad Qajwī. (2015). *Tafsīr al-quran bī al-quran, Dirāsah Tārīkhiyyah wa Naẓariyyah*. Maṭba'ah al-Ma'ārif al-Jadīdah. Buku.
- Muhammad Shafī' al-Dīn (2006), *Al-Qirā'at fī al-Qur'ān al-Karīm wa 'atharuha fī al-Lughah al-'Arabiyyah*. Al-Dirāsāt.
- Al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm (1989), *Mu'jam al-'Arabiyy al-'Asāsīy*, Lārus. Kamus.
- Musā'id al-Ṭayyār. (2008). *Al-Muharrar fī 'Ulum al-Quran*. Markaz al-Dirāsāt wa al-Ma'lūmāt al-Qurāniyyah. Buku.
- Norismayati Aida Idris, Anida Sarudin, Mohd Rashid Md. Idris (2013), *Amalan Guru dan Penguasaan Aspek Ilmu Linguistik dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu di Perak*, PENDETA-Jurnal Bahasa dan Sastra Melayu, 116-142.
- Nur al-Dīn Durym (2015), *Athar al-Qirā'at al-Qur'āniyyah fī Tarjīh al-Hukm al-Nahwiyy Dirāsah fī Kitāb al-'Inṣāf li Ibn al-'Anbāriyy*. Algerian Scientific Journal Platform (ASJP).
- Nūr al-Dīn 'Itr. (1993). *'Ulūm al-Quran al-Karīm*. Maṭba'ah al-Ṣabāḥ. Buku.
- Sa'id al-'Afhāniyy (1994), *Fī 'Uṣūl al-Nahw*. Mudīriyyah al-Kutub wa al-Matbū'at al-Jāmi'iyyah. Buku.
- Samīr 'Astītiyyah (2008), *Al-Lisāniyyāt al-majāl wa al-wazīfah wa al-manhaj*, 'ālam al-kutub al-hadith. Buku.
- Shaharuddin Saad, Ikmal Zaidi Hashim dan Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan (2015), *Tajwid Al-Quran Perbandingan Tariq Al-Syatibi dan Ibnu Al-Jazari*, E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization.
- Al-'Azharīy (M. 370 H), *Tahzīb al-Lughah*, Dār 'Ihyā' al-Turāth al-'Arabiyy. Kamus.
- Wahyuddin Dan M.Saifulloh (2013), *Ulum Al-Quran, Sejarah Dan Perkembangannya*. Jurnal Sosial Humaniora.
- Yahyā 'Aṭiyyah 'Ababneh (2018), *Al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah ru'ā lughawīyyah mu'āṣarah*, Dār al-Kitāb al-Thaqāfiyy. Buku.
- Zainora Daud, Hayati Hussin, Khairul Anuar Bin Mohamadiii, Mohd Shamsul Hakim Bin Abd Samad (2019), *Pengajian Qiraat Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Usim: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Qiraat*. Journal of Fatwa Management and Research (JFatwa).